

Haji Abdul Lathif Bin Haji Tambi¹ – Saudagar dan Ulama

Wajah Almarhum al-‘Allāmah Haji Abdul Lathif Bin Haji Tambi telah pernah menghiasi muka hadapan majalah ini. Almarhum ialah seorang hartawan dan dermawan iaitu selain daripada seorang ulama yang kebilangan pada zamannya. Almarhum sepanjang hayatnya adalah sentiasa mengajar dan banyak daripada murid-murid Almarhum hingga sekarang ini masih ada lagi dan banyak pula di antaranya yang termasuk golongan yang terbilang.

Mula-mula penulis mengenal wajah beliau ialah tatkala beliau bersyarah di rumah Persatuan Islam di Seligi Road pada tahun 1930. Beliau duduk di atas sebuah tempat yang tinggi sedikit. Di sanalah beliau membuat syarahannya dengan gaya dan cara yang menarik terutamanya pula Almarhum seorang yang pandai membuat jenaka. Dengan cara itu syarahan beliau menjadi perhatian dan sangat menarik.

Beliau terkadang-kadang memakai serban tetapi yang terbanyaknya beliau memakai songkok tarbush. Beliau seorang yang tenang dan beliau mengajar di rumahnya di North Bridge Road, yang sekarang diduduki oleh Jubilee Restaurant.

Dengan sifat beliau seorang saudagar maka mengajar agama itu adalah dibuat sebagai suatu kewajipan. Banyak murid-murid beliau yang mengaji dengannya termasuk di dalamnya Almarhum Ustaz Hasyim Yunus pengarang “Warta Malaya” dan seorang ulama yang terkenal, dan juga Almarhum Kiyai Hasan Bin Ahmad, seorang ulama yang terkenal di seluruh Indonesia dan Malaya. Di antara murid-muridnya yang ada sekarang: Tuan Haji Junaid Bin Haji Imam Ibrahim, Ustaz Muhammad Bin Muhammad Said yang sekarang mengajar di Madrasah Bunga Raya di Lorong Engku Aman, Singapura.

Almarhum diperanakan di Melaka daripada keturunan India yang telah turun menurun di sana selama lima keturunan. Ayahnya bernama Haji Muhammad Nuruddin Bin Haji Shalih dan lebih terkenal dengan nama timbangannya Haji Tambi.

Kampung ayah beliau ialah Teluk Mas Melaka dan mempunyai tiga orang saudara:

1. Haji Muhammad Ali Bin Haji Muhammad Shalih di Pulau Pinang.
2. Haji Muhammad Nuruddin Bin Haji Muhammad Shalih di Tanjung Pinang, Pulau Riau.
3. Haji Muhammad Said Bin Haji Muhammad Shalih di Singapura.

Haji Abdul Lathif adalah besar di Singapura sebab ayahnya, Haji Muhammad Nuruddin (Haji Tambi) berniaga kedai kain di Arab Street (Kampung Jawa) Singapura.

Pada masa umurnya 8 tahun ayahnya telah menghantarkannya mengaji di Mekah. Sesudah besar baharulah balik ke Singapura lalu bekerja menjaga kedai ayahnya. Pada tahun 1900 beliau mulai mengajar di kedainya di Arab Street. Beliau akhirnya mengajar pula di rumahnya di North

¹ www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm

Bridge Road, di Tranquera¹ Melaka dan di Dato Keramat Road,

Pulau Pinang.

Dengan kerana banyaknya tempat beliau mengajar maka banyak pulalah murid-murid beliau berserak di sana sini – bukannya sahaja di Tanah Melayu tetapi juga di Sumatera terutamanya di Medan, di Jawa di Surabaya dan Bandung serta di pulau-pulau Riau. Demikianlah sebagai satu suluh Almarhum telah menyebarkan syiar Islam dengan kemahuan dan tenaga sendiri, berjihad pada jalan Allah, bukannya sahaja dengan ilmunya tetapi dengan harta dan tenaga sehingga dengan hingga hari ini masih sambung menyambung pelajaran yang diberikan Almarhum itu.

Apabila terbit perbahasan mengganti bangunan Masjid Sultan yang lama dengan Masjid Sultan yang ada sekarang ini maka Almarhum banyak mengambil bahagian di dalam perbahasan yang hebat dan panjang di antara ulama itu ialah tentang boleh meruntuhkan sebuah masjid menggantikannya dengan yang baharu – Ertinya memutuskan amal jariah seseorang yang telah terbna di situ.

Almarhum telah kembali ke rahmatullah Ta‘āla di Melaka dalam usianya 67 tahun pada hari Jumaat 1 haribulan September 1939 pada pukul 2.30 pagi dan dikebumikan di perkuburan Tranquera pada sebelah Asar.

Sekalipun Almarhum telah meninggal tetapi usaha Almarhum disambung oleh murid-muridnya yang beribu-ribu orang banyaknya. Semoga Allah sentiasa memberi rahmatNya dan membalas jasanya-jasanya, amala jariahnya, selama lamanya –
Āmīn.

¹ Sebutan lain bagi Tengkeru

Bacalah!

Isteri-Isteri Nabi

Dipersesuaikan oleh: Umm Muhsin daripada kitab

Nisā’ al-Nabiyy karangan **Dr Bint al-Shāṭi’**

Sebuah buku yang

menggambarkan dengan sejelasnya-sejelasnya

rumahtangga Rasulullah *ṣallā Allāhu*

‘alayhi wa sallam yang menjadi

ikutan dan contoh utama bagi

umat Islam seluruhnya.



Sebuah buku yang sangat

penting dibaca, terutama oleh

wanita-wanita Islam.

Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

tambah belanja mengirimmnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

8/356, GEYLANG ROAD

SINGAPORE, 14.
